



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

**“PUBLIC CONSULTATION ON DEALING WITH CONSTRUCTION PERMITS
IN KUALA LUMPUR”**

KUALA LUMPUR, 3 April 2012 – YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara hari ini menyempurnakan Majlis Perasmian ‘*Public Consultation On Dealing With Construction Permits in Kuala Lumpur*’ anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Sebelum ini, beberapa perbincangan *focus group* berkenaan pemberian permit pembinaan ini telah diadakan melibatkan agensi kerajaan dan swasta antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan (KPKK), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (Kettha), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)

2. Sehubungan dengan itu, ‘*Public Consultation On Dealing With Construction Permits in Kuala Lumpur*’ pada kali ini diadakan bertujuan untuk **mendapatkan pandangan dan cadangan daripada badan-badan profesional dan penggiat industri binaan** berdasarkan cadangan yang diusulkan semasa sesi *focus group* tersebut. Diharapkan hasil dari program pada hari ini, beberapa **prosedur urusan pemberian permit pembinaan akan dapat dikurangkan dan tempoh masa pemberian permit pembinaan juga dapat dipendekkan**. Ini adalah merupakan usaha penambahbaikan utama dalam mempertingkatkan kecekapan urusan pemberian

permit pembinaan di Kuala Lumpur dengan mengambil kira aspek prosedur, masa dan kos.

3. Tempoh selama dua bulan mulai hari ini diberikan kepada badan-badan profesional dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam memperincikan cadangan penambahbaikan terhadap proses pemberian permit pembinaan tersebut. Selepas tempoh tersebut, mereka perlu **mengemukakan model baru proses pemberian permit pembinaan di Kuala Lumpur kepada pihak KWPKB dan MPC.**
4. Pihak KWPKB berharap agar pelaksanaan program ini akan dapat **memperbaiki mutu perkhidmatan, meningkatkan tahap kecekapan agensi berkaitan serta meningkatkan daya saing negara di kalangan negara maju yang lain, memperbaiki kedudukan Malaysia Dalam Indikator *Dealing With Construction Permits*** dan seterusnya memberikan impak yang besar kepada pembangunan di Wilayah Persekutuan khususnya dan negara amnya. Ia juga secara tidak langsung akan menjadi salah satu pemangkin kepada agenda utama kerajaan iaitu untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

3 APRIL 2012
Kuala Lumpur